



Ruj. Kami : JPA(S) 187/20 Klt.5(10)

Tarikh : 22 Mei 2006

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Y. Bhg. Tan Sri/ Puan Sri/ Datuk/Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

PELANJUTAN TEMPOH PELANTIKAN SYARIKAT AXA AFFIN ASSURANCE BERHAD SEBAGAI SYARIKAT PENANGGUNG INSURANS KESIHATAN KEPADA PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM YANG BERADA DI LUAR NEGARA ATAS URUSAN PERSENDIRIAN

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Sebagaimana yang dimaklumkan, selaras dengan hasrat mengutamakan kebajikan pegawai Perkhidmatan Awam, Kerajaan telah melaksanakan kemudahan perlindungan insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian dengan premium insurans tersebut ditanggung oleh Kerajaan. Kemudahan ini telah dilaksanakan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2004 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2005. Syarikat AXA Affin Assurance Berhad telah dilantik sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian.

3. Sehubungan dengan itu, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan tempoh pelantikan Syarikat AXA Affin Assurance Berhad sebagai syarikat penanggung insurans kesihatan kepada pegawai Perkhidmatan Awam yang berada di luar negara atas urusan persendirian untuk tempoh tiga (3) bulan mulai **24 April 2006** atau **sehingga satu tarikh yang ditetapkan kemudian, mengikut mana yang terdahulu**. Skim perlindungan yang digunakan adalah skim **Smart Traveller**. Sebarang pertanyaan berkaitan skim perlindungan ini bolehlah dikemukakan kepada syarikat berkenaan seperti alamat di bawah:

**“AXA AFFIN ASSURANCE BHD.
GROUND FLOOR WISMA GOLDHILL
67 JALAN RAJA CHULAN
50200 KUALA LUMPUR
TELEFON : 03-21708282/21708383
FAKS : 603-20316391”**

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,



(PUAN SRI ZAITON BINTI MHAD ALI)
Pengarah Bahagian Gaji dan Elaun
b. p. Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam
Malaysia

☎ 03-88854003

✉ zaitonm@jpa.gov.my

s. k. :

Semua Y. B. Setiausaha Kerajaan Negeri

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Berkanun

Semua Ketua Pengurusan Pihak Berkuasa Tempatan